



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 5 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 5 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,392 kes** (185,278 kes kumulatif, 78.9%);
- Kes baharu : **3,391 kes** (234,874 kes kumulatif);
- Kes import : **4 kes** (2 warganegara dan 2 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **3,387 kes** [2,439 warganegara (72.0%); 948 bukan warganegara (28.0%)];
- Kes aktif : **48,751 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **310 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **134 kes**; dan
- Kes kematian : **19 kes** (845 kes kumulatif, 0.36%)

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,228 kes (36.2 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **816**

kes (66.4 peratus) adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **598 kes (17.6 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **395 kes (11.6 peratus)**.

Sebanyak **145 kes (4.3 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (52 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (23 kes), Kluster Tembok Taiping (21 kes), Kluster Tembok Renggam (16 kes), Kluster DTI Sepang 2 (13 kes), Kluster Tembok Mempaga (13 kes), Kluster Seberang Perai (4 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (1 kes), Kluster Penjara Kepayan (1 kes), dan Kluster Telok Mas (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan tujuh (7) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, lima (5) kes di Sabah, masing-masing tiga (3) kes di Selangor dan Sarawak, serta satu (1) kes di Perak. Sebanyak 17 kes kematian melibatkan warganegara dan dua (2) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 5 Februari 2021;

- Jumlah kluster : **876 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **15 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **442 kluster** (termasuk **dua (2)** kluster yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Ipoh dan Kluster Ziarah Putra**);
- Jumlah kluster aktif : **434 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **88 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Jalan Rumbia Dua (133 kes)**, **Kluster Sri Sengkang (112 kes)**, dan **Kluster Industri Serkam (96 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **15 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan 12 kluster

berkaitan tempat kerja, dua (2) kluster komuniti, dan satu (1) kluster melibatkan kumpulan berisiko tinggi.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Jalan Mokhtar	Selangor	Tempat Kerja
2	Jalan Enam Belas	Selangor	Tempat Kerja
3	Bandar Teknologi	Selangor	Tempat Kerja
4	Persiaran Jaya	Selangor	Tempat Kerja
5	Jalan Lima	Selangor	Tempat Kerja
6	Jalan Rumbia Dua	Johor	Tempat Kerja
7	Sri Sengkang	Johor	Tempat Kerja
8	Jun Heng	Sarawak	Tempat Kerja
9	Tapak Bina Jalan Valdor	Pulau Pinang	Tempat Kerja
10	Industri TTJ	Negeri Sembilan	Tempat Kerja
11	Santong Paka	Terengganu	Tempat Kerja
12	Industri Bentong Sebelas	Pahang	Tempat Kerja
13	Hikmah Muadzam	Pahang	Komuniti
14	Taman Murni	Pahang	Komuniti
15	Jalan Jubilee	WP Kuala Lumpur	Kumpulan Berisiko Tinggi

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

5 Februari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 5 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,228 (2)	75,297
SABAH	196	49,981
WP KUALA LUMPUR	395 (1)	28,449
JOHOR	598	25,560
NEGERI SEMBILAN	116	12,169
PULAU PINANG	149	8,480
PERAK	92	6,745
KEDAH	91	6,158
SARAWAK	178	5,272
MELAKA	141	4,154
KELANTAN	58	3,510
PAHANG	51	3,296
TERENGGANU	84	2,503
WP LABUAN	7 (1)	2,184
WP PUTRAJAYA	6	938
PERLIS	1	178
JUMLAH KESELURUHAN	3,391 (4)	234,874

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 3,391 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 5 Februari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,228 kes**

- 165 kes daripada kluster-kluster; termasuk 46 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Mokhtar, Kluster Bandar Teknologi, Kluster Jalan Enam Belas, Kluster Persiaran Jaya, dan Kluster Jalan Lima;**
- 651 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import luar negara; dan
- 410 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 598 kes**

- 339 kes daripada kluster-kluster, termasuk 245 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Rumbia Dua dan Kluster Sri Sengkang;**
- 115 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 144 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 395 kes**
 - 92 kes daripada kluster-kluster, termasuk 25 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Jubilee**;
 - 142 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 160 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sabah: 196 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 132 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 58 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: 178 kes**
 - 81 kes daripada kluster-kluster, termasuk 12 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jun Heng**;
 - 34 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 63 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 149 kes**
 - 86 kes daripada kluster-kluster, termasuk 44 kes daripada kluster baharu iaitu **Tapak Bina Jalan Valdor**;

- 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 27 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: 141 kes**
 - 99 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 27 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 116 kes**
 - 45 kes daripada kluster-kluster, termasuk 39 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Industri TTJ**;
 - 31 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 40 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 92 kes**
 - 38 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 91 kes**
 - 23 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 23 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 45 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: 84 kes**
 - 29 kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Santong Paka**;
 - 32 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 23 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 58 kes**
 - 42 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 16 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: 51 kes**
 - 36 kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Taman Murni, Kluster Hikmah Muadzam, dan Kluster Industri Bentong Sebelas**;
 - 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Tujuh (7) kes**
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Enam (6) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 19 kes kematian pada 5 Februari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
827	110504	Sabah	Lelaki (WN)	60	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
828	115104	Sabah	Lelaki (WN)	61	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
829	163695	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	58	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
830	181471	Sabah	Lelaki (WN)	82	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
831	185368	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	51	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit jantung
832	188161	Sabah	Perempuan (WN)	83	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	-
833	193789	Sarawak	Lelaki (WN)	82	Hospital Sibu	Penyakit darah tinggi dan strok
834	197607	Perak	Lelaki (WN)	87	Hospital Teluk Intan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
835	203360	Sarawak	Lelaki (WN)	95	Hospital Sibu	Penyakit tuberkulosis
836	207738	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	73	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dislipidemia, obesiti, dan paru-paru kronik

837	207954	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	59	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan <i>Deep Vein Thrombosis</i> (DVT)
838	207955	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	44	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik, dan leukemia
839	228686	Selangor	Perempuan (WN)	78	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung
840	228730	Selangor	Lelaki (WN)	53	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis
841	229622	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	78	Hospital Kuala Lumpur	-
842	230763	Sarawak	Lelaki (WN)	79	Hospital Sibul	Penyakit kencing manis, darah tinggi, strok, dan buah pinggang kronik
843	232889	Sabah	Lelaki (WN)	72	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit darah tinggi dan gout
844	129759	Selangor	Lelaki (BWN)	57	Hospital Sungai Buloh	Strok
845	146156	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	42	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian 15 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN MOKHTAR

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 2 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah pasar raya di Jalan Raja Mokhtar, Kapar, Klang. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 46 individu telah disaring, di mana **26 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN ENAM BELAS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 31 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah pasar raya di Seksyen 16, Subang Jaya, Petaling. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 98 individu telah disaring, di mana **41 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER BANDAR TEKNOLOGI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 4 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Hulu Langat. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 61 individu telah disaring, di mana **30 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER PERSIARAN JAYA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 4 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Persiaran Jaya, Hulu Langat. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 57 individu telah disaring, di mana **17 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER JALAN LIMA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sepang dan Hulu Langat di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 4 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah syarikat perkhidmatan di Jalan KLIA S5, *Kuala*

Lumpur International Airport, Sepang. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 434 individu telah disaring, di mana **24 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER JALAN RUMBIA DUA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 5 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Rumbia, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsung, Pasir Gudang, Johor Bahru. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 183 individu telah disaring, di mana **133 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER SRI SENGGANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 13 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Kawasan Perusahaan Sri Sengkang, Kulai. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 694 individu telah disaring, di mana **126 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN JUBILEE

Kluster kumpulan berisiko tinggi ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 5 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah pusat jagaan di Jalan Jubilee, Cheras. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 39 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER JALAN JUN HENG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah daerah Bintulu di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-209385) telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 30 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja dua (2) buah syarikat di Bintulu. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 102 individu telah disaring, di mana **19 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER TAPAK BINA JALAN VALDOR

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 20 Januari 2021 hasil

saringan bersasar sebuah tapak binaan di Jalan Perusahaan Valdor, Kawasan Perindustrian Valdor, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan. Sehingga 4 Februari 2021, sejumlah 806 individu telah disaring, di mana **53 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER INDUSTRI TTJ

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban, Tampin, Port Dickson, dan Rembau di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-140481) telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 12 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja kilang di Kawasan Perindustrian Tuanku Jaafar, Seremban. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 416 individu telah disaring, di mana **61 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER SANTONG PAKA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Dungun dan Kemaman di Terengganu, serta daerah Kuantan di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-231453) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 4 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah syarikat yang terletak di Jalan Santong, Paka, Dungun. Sehingga 5 Februari 2021,

sejumlah 127 individu telah disaring, di mana **26 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

13. KLUSTER TAMAN MURNI

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kuantan di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-180270) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 23 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di Taman Murni, Kuantan. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 44 individu telah disaring, di mana **13 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

14. KLUSTER HIKMAH MUADZAM

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Rompin di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-183525) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 24 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di Muadzam Shah. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 30 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

15. KLUSTER INDUSTRI BENTONG SEBELAS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Bentong di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-203759) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 29 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja kilang di Kawasan Perindustrian Bentong. Sehingga 5 Februari 2021, sejumlah 43 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.